

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 16.6.2015**

**SOALAN :**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian sedia menilai dan mengkaji semula beban kerja guru-guru yang semakin terbeban dan tertekan dengan kerja-kerja pentadbiran melebihi daripada pengajaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan kebajikan guru-guru terutama melibatkan skop atau bidang tugas hakiki guru. Antara usaha yang sedang diambil untuk mengurangkan beban tugas guru ialah berusaha untuk memastikan guru-guru tidak perlu menggunakan pelbagai sistem untuk merekod data dan memudahkan akses kepada semua pangkalan data melalui inisiatif *single sign on*.

KPM juga melalui inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) sedang melaksanakan program rintis dengan menempatkan pembantu tadbir di sekolah-sekolah di Melaka dan Kedah untuk membantu mengurangkan beban guru khususnya dalam tugas-tugas melibatkan *data entry* ke dalam sistem.

Modus operandi yang digunakan untuk mengurangkan beban tugas pentadbiran guru di sekolah adalah dengan **penjajaran jadual waktu mengajar guru, penyediaan tugas pembantu guru dan penempatan pembantu guru di sekolah berdasarkan enrolmen murid.**

Walau bagaimanapun, modus operandi ini akan disemak semula berdasarkan keperluan semasa supaya tenaga kerja pembantu guru dapat digunakan secara optimum selaras dengan penggunaan teknologi terkini yang sedang dipertingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian juga sedang dijalankan untuk memastikan sebab-sebab guru terbeban untuk mendapatkan gambaran sebenar dan memastikan penempatan pembantu tadbir adalah secara optimum. Perancangan untuk peluasan NBOS kepada negeri lain adalah bergantung kelulusan peruntukan oleh Agensi Pusat.